

Perdana Menteri ketuai senarai merasmikan mesyuarat Umno

ALUR SETAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai senarai tokoh-tokoh Umno yang akan merasmikan mesyuarat agung tahunan Umno bahagian di negeri Kedah bermula minggu depan.

Setiausaha Kerja Umno Kedah, Encik Ahmad Othman, berkata semalam Perdana Menteri dijadual merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Jenan pada 1 Mei dan pada 3 Jun beliau yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu akan merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Sungai Petani di Sekolah Menengah Khir Johari.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, pula akan merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Kota Setar di Sekolah Menengah Tajar pada 13 Mei dan Umno Bahagian Padang Terap di Sekolah Menengah Kubur Panjang pada 9 Jun.

Tiga Menteri Besar akan juga merasmikan mesyuarat agung Umno bahagian di negeri ini.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin, akan merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Jerai di Sekolah Kebangsaan Guar Cempedak pada 14 Mei.

Menteri Perak, Encik Ramli Ngah Talib, akan merasmikan mesyuarat agung bagi Bahagian Kulim Bandar Baharu di Sekolah Rendah Sains Mara pada 28 Mei dan Sekolah Menengah Baling pada 4 Jun.

Menteri Terengganu, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad, pula akan merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Langkawi di Langkawi Country Club di pulau itu pada 6 Mei.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, akan merasmikan mesyuarat agung Umno

Bahagian Padang Serai di Sekolah Menengah Kulim pada 28 Mei sementara Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, akan merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Hulu Muda di Sekolah Menengah Sik pada 27 Mei.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim, akan merasmikan mesyuarat agung Umno Jerlun di Sekolah Menengah Air Hitam pada 9 Mei ini.

Naib Presiden Umno Malaysia, Datuk Haji Harun Idris, akan merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Kuala Muda di Sekolah Menengah Khir Johari pada 28 Mei.

Menurut Encik Ahmad, Bahagian Kuala Kedah dan Alur Setar masih belum menetapkan tarikh mesyuarat masing-masing.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia